

# Malaysia masih amal demokrasi — Najib

UM 21 SEP 2003

PETALING JAYA 20 Sept. — Malaysia masih merupakan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi sekalipun tanpa membenarkan rapat umum diadakan dalam kempen pilihan raya umum akan datang.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, seluruh dunia sudah mengiktiraf demokrasi di Malaysia malah tiada siapa pun pernah mempertikaikan kesahihan pilihan raya negara sebelum ini.

Katanya, sejak merdeka, demokrasi Malaysia juga telah dibuktikan dengan pemberian hak dan kuasa yang saksama kepada rakyat negara ini dalam memilih kerajaan secara terbuka dan tanpa paksaan.

“Tanpa rapat umum, masih tidak mengubah Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi yang telah diiktiraf dunia. Yang penting rakyat tetap

berhak dan berkuasa memilih kerajaan secara terbuka,” tegasnya.

Najib menyatakan demikian kepada pemberita selepas melakukan upacara pelepasan peserta Kembara Mencari Harta Karun anjuran Kelab Media Malaysia (MPC) di pekarangan pejabat Nestle di sini hari ini.

Beliau mengulas penolakan Majlis Tertinggi UMNO semalam terhadap cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membenarkan parti-parti politik mengadakan rapat umum pada pilihan raya umum akan datang.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat bahawa tindakan SPR itu boleh mendorong tindakan ganas kerana sebahagian besar penyokong parti pembangkang belum matang dalam cara-cara berdemokrasi.

Najib menambah, rakyat tidak bo-

leh meniru apa yang diamalkan oleh negara-negara yang sering menggelar mereka demokratik semata-mata untuk diterapkan dengan keadaan di Malaysia.

“Ini disebabkan demokrasi membawa pelbagai tafsiran dan amalan dari segi bagaimana prinsipnya hendak dilaksanakan (sedangkan) kita telah jalankan pilihan raya yang adil dan bebas sejak merdeka lagi,” katanya.

Mengenai kewajaran SPR memberi kebenaran itu, beliau berkata, badan itu hanya bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang bersabit pilihan raya terutamanya dalam menentukan kesahihan perjalanannya dan tidak boleh disangsikan.